


KENYATAAN PENGERUSI EKSEKUTIF



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan kepada anda Laporan Tahunan dan Akaun-akaun Teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2004.

KEPUTUSAN PRESTASI

Kumpulan telah mencatatkan perolehan dan keuntungan disatukan sebelum cukai yang lebih tinggi, masing-masing berjumlah RM978.7 juta (2003: RM935.6 juta) dan RM37.9 juta (2003: RM27.2 juta) berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya. Selepas ditolak cukai dan kepentingan minoriti, keuntungan milik pemegang saham ialah sebanyak RM15.8 juta (2003: RM2.8 juta). Perolehan bersih disatukan sesaham ialah 8.06 sen (2003: 1.24 sen) dan aset ketara bersih disatukan sesaham ialah RM1.05 pada akhir tahun kewangan tersebut (2003: RM1.56).


Bagi tahun kewangan dalam tinjauan, Lembaga Pengarah telah mencadangkan pembayaran dividen akhir sebanyak 3% ditolak cukai pendapatan (2003: 4 sen ditolak cukai pendapatan), tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham pada mesyuarat agung tahunan Syarikat yang akan datang.

Jika diluluskan, jumlah dividen yang telah dibayar dan perlu dibayar oleh Syarikat bagi tahun kewangan ini ialah 13 sen yang terdiri daripada dividen interim bebas cukai sebanyak 10 sen (2003: KOSONG), yang telah dibayar pada Mac 2004, serta dividen akhir sebanyak 3 sen ditolak cukai pendapatan (2003: 4 sen ditolak cukai pendapatan).

TINJAUAN OPERASI

Bahagian Kimia Perindustrian dan Pertanian kekal sebagai penyumbang utama kepada perolehan Kumpulan pada tahun kewangan dalam tinjauan. Bahagian ini telah mencatatkan perolehan yang lebih tinggi berjumlah RM506.1 juta (2003: RM459.6 juta) berikutan harga produk kimia yang lebih tinggi pada tahun kewangan tersebut. Keuntungan sebelum cukaunya mungkin lebih tinggi daripada RM7.8 juta (2003: RM7.7 juta) kalau tidak disebabkan oleh kerugian yang dialami oleh sebuah anak syarikat di Hong Kong.

Bahagian Logistik & Pergudangan mencatatkan prestasi yang jauh lebih baik pada tahun kewangan ini. Perolehannya lebih tinggi berjumlah RM43.9 juta berbanding dengan tahun kewangan sebelumnya (2003: RM29.3 juta). Keadaan ekonomi yang bertambah baik di Singapura dan bertambahnya permintaan untuk perkhidmatan pergudangan, pengangkutan dan perkhidmatan berkaitan daripada pelanggan bahagian ini yang sedia ada serta pelanggan barunya, yang kebanyakannya merupakan syarikat kimia yang besar di Singapura dan Malaysia, telah menyebabkan perolehan yang lebih tinggi pada tahun kewangan ini. Ekoran itu, bahagian ini telah mencatatkan keuntungan sebelum cukaui yang lebih tinggi berjumlah RM4.9 juta (2003: kerugian sebelum cukaui RM0.9 juta).





KENYATAAN PENGERUSI EKSEKUTIF (samb.)



Selesainya pelaksanaan penyusunan semula perniagaan kimia di bawah Nylex merupakan satu perkembangan baik bagi perniagaan polimer dan kimia perusahaan Kumpulan memandangkan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan.



Bahagian Teknologi Maklumat juga mencatatkan prestasi yang lebih baik dengan perolehan yang lebih tinggi berjumlah RM3.4 juta (2003: RM0.9 juta) dan kerugian sebelum cukai yang lebih rendah sebanyak RM0.7 juta (2003: kerugian sebelum cukai RM8.3 juta). Bahagian ini telah memperoleh beberapa kontrak penyelenggaraan pada tahun kewangan ini.

Bahagian Kejuruteraan Minyak & Gas pula mencatatkan perolehan yang lebih rendah berjumlah RM23.7 juta (2003: RM35.6 juta) kerana tidak mengambil kira perolehan Material Performance Engineering Sdn Bhd ("MPE") yang telah dilual pada Disember 2003. Kerugian berikutan jualan MPE dan peruntukan bagi kerugian kemerosotan nilai yang telah dibuat terhadap salah sebuah anak syarikat Kumpulan telah menyebabkan bahagian ini mencatatkan kerugian sebelum cukai yang lebih tinggi berjumlah RM10.6 juta (2003: kerugian sebelum cukai RM3.4 juta). Kerugian tersebut juga disebabkan oleh pengeluaran yang tergendala di bahagian operasi penguliran dan kurangnya pesanan buku dalam unit fabrikasi.

Bahagian Polimer mencatatkan tahap perolehan yang sama pada tahun kewangan ini berjumlah RM117.2 juta (2003: RM117.5 juta). Keuntungan sebelum cukainya lebih rendah berjumlah RM8.7 juta (2003: RM11.0 juta). Persaingan sengit daripada pengeluar-pengeluar tempatan dan luar negara serta kenaikan harga kimia komoditi utama di seluruh dunia menghakis margin keuntungan, sekali gus menyebabkan keuntungannya lebih rendah. Sehubungan itu, bahagian ini telah membuat keputusan untuk menubuhkan syarikat usaha sama perkilangan di Surabaya, Indonesia dengan pihak Indonesia yang menelan belanja AS\$2.647 juta (bersamaan dengan RM20 juta). Syarikat usaha sama ini yang dinamakan PT Nylex Indonesia, di mana Nylex (Malaysia) Berhad ("Nylex") memegang 65% kepentingan

ekuiti di dalamnya, bertujuan untuk menerokai pasaran Indonesia yang luas. Ia akan memperkuuhkan kedudukan Nylex sebagai pengeluar kain kulit PVC dan produk-produk berkaitan PVC lain yang utama di rantau ini.

Bahagian Kejuruteraan mencapai perolehan yang lebih memberangsangkan berjumlah RM261.8 juta (2003: RM255.2 juta) dan keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi berjumlah RM18.7 juta (2003: RM13.8 juta). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh jualan produknya yang lebih tinggi pada tahun kewangan ini. Bahagian ini telah berjaya memperoleh beberapa kontrak yang besar di luar negara pada tahun kewangan ini dengan mengalahkan pesaing-pesaing antarabangsa yang lain.

Bahagian Produk Binaan mencapai perolehan lebih tinggi berjumlah RM16.3 juta (2003: RM13.7 juta) berikutan peningkatan jualan berdasarkan projek dalam negerinya. Walau bagaimanapun, kenaikan harga keluli telah menjelaskan margin keuntungan produk. Justeru itu, bahagian ini telah mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.7 juta (2003: keuntungan sebelum cukai RM1.6 juta) bagi tahun kewangan tersebut.

PERISTIWA PENTING

Kumpulan telah selesai menjual kesemua 70% kepentingan ekuitinya dalam Wandeerfull Property and Development Sdn Bhd dengan bayaran tunai sebanyak RM4.79 juta. Kini Kumpulan tidak lagi terlibat dalam aktiviti pembangunan harta tanah.

Syarikat telah menjual kesemua 3,273,250 waran dan 47,479,552 unit sahamnya yang mewakili 20.4% ekuiti dalam Eastern & Oriental Berhad dengan bayaran tunai RM59.4 juta. Perolehan daripada jualan tersebut telah

KENYATAAN PENGERUSI EKSEKUTIF (samb.)

digunakan untuk membayar balik pinjaman Syarikat serta membayar dividen interim bebas cukai sebanyak 10% pada Mac 2004.

Peristiwa-peristiwa penting lain adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 46 kepada penyata kewangan.

PERISTIWA PENTING BERIKUTAN

Seperti yang anda ketahui, penyusunan semula modal yang dilaksanakan oleh Nylex, anak syarikat 51.9% milik Rhodemark Development Sdn Bhd ("RDSB"), yang pula merupakan anak syarikat 50.1% milik Syarikat, yang membabitkan langkah pengurangan modal dan penyatuan modal serta pengagihan modal seluruh pemegangan sahamnya dalam Tamco Corporate Holdings Berhad ("Tamco") kepada pemegang-pemegang saham Nylex, telah selesai dilaksanakan pada 30 Jun 2004. Selaras dengan pengagihan modal tersebut, RDSB menjadi pemegang saham langsung Tamco. Pemegangan saham RDSB dalam Tamco kemudiannya berkurangan kepada 44.9% apabila Tamco selesai melaksanakan terbitan khas untuk Bumiputera bagi meningkatkan pemegangan saham Bumiputeranya sempena dengan penyenaraian Tamco di Pasaran MESDAQ Bursa Malaysia Securities Berhad pada 6 Julai 2004.

Pada masa yang sama, Syarikat juga telah selesai menjual seluruh kepentingan ekuitinya dalam Perusahaan Kimia Gemilang Sdn Bhd, Fermpro Sdn Bhd, Kumpulan Kesuma Sdn Bhd dan Wedon Sdn Bhd (secara bersama disebut "Syarikat-syarikat Kimia"), dengan itu mengurangkan kepentingan efektifnya dalam Syarikat-syarikat Kimia daripada 100% kepada 53%, sekali gus meningkatkan kepentingan efektifnya dalam Nylex daripada 26.0% kepada 53% selepas selesai jualan yang tersebut di atas.

Jualan ini bertujuan untuk menggabungkan perniagaan kimia Kumpulan di bawah Nylex dan membolehkan Tamco disenaraikan di bursa saham sendirian di mana ia boleh meningkatkan profilnya dengan ketara dan mendapat akses ke pasaran modal demi keperluan pembapiaannya pada masa depan.

Peristiwa-peritiwa penting berikutan lain adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 47 kepada penyata kewangan.

PROSPEK UNTUK TAHUN DEPAN

Bank Negara Malaysia baru-baru ini mengumumkan bahawa ekonomi Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan 8% pada suku ke-2 2004 daripada 7.65% pada suku pertama tahun yang sama. Pertumbuhan ini didorong oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor perkilangan (sebanyak 12.1%) dan sektor perkhidmatan (sebanyak 7.4%) berbanding dengan suku pertama. Dalam tempoh 6 bulan pertama tahun tersebut, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat 7.8% dengan



industri eksport dan industri berorientasikan dalam negeri mencatatkan pengembangan kukuh, masing-masing 18.3% dan 8.0%. Pertumbuhan dalam penggunaan persendirian pada suku kedua melonjak sebanyak 11.4%, didorong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, inflasi dan kadar faedah yang rendah serta keadaan guna tenaga yang stabil. Sektor pertanian terus berkembang pada kadar yang mantap 3.2%.

Selesainya pelaksanaan penyusunan semula perniagaan kimia di bawah Nylex merupakan satu perkembangan baik bagi perniagaan polimer dan kimia perusahaan Kumpulan memandangkan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Pengilangan produk polimer dan pengedaran kimia perusahaan dijangka mendapat manfaat daripada pertumbuhan kukuh permintaan daripada sektor perkilangan dalam negeri. Perniagaan logistik dan pergudangan, kimia pertanian dan kejuruteraan Kumpulan dijangka terus berkembang memandangkan prestasi ekonomi negara yang bertambah baik.

Meskipun optimis tentang prestasi Kumpulan untuk tahun kewangan akan datang, namun para Pengarah akan tetap berhati-hati memandangkan kemungkinan berlakunya kemerosotan ekonomi berikutan kenaikan harga minyak yang berterusan.

PENGHARGAAN

Lembaga Pengarah ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaannya kepada semua pengurusan dan kakitangan Kumpulan atas kesetiaan, dedikasi dan sumbangan mereka kepada Kumpulan sepanjang tahun kewangan ini. Lembaga Pengarah berharap mereka akan meneruskan usaha mereka yang tidak mengenal penat lelah untuk membawa kemajuan kepada Kumpulan pada masa akan datang.

Lembaga Pengarah juga ingin menyampaikan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada para pemegang saham, pelanggan, bank, rakan niaga dan semua pihak berkuasa kawal selia atas sokongan mereka yang tidak berbelah bagi dan kerjasama yang telah diberikan sepanjang tahun kewangan tersebut.

DATO' JOHARI RAZAK

Pengerusi Eksekutif
 18 Oktober 2004
 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan



DIRECTORS' RESPONSIBILITIES STATEMENT In Relation to the Financial Statements

Pursuant to the Companies Act, 1965, the Directors of the Company are required to prepare financial statements for each financial year which shall give a true and fair view of the state of affairs of the Company and of the Group as at the end of the financial year and of the profit and loss of the Company and of the Group for the financial year.

Under Paragraph 15.27(a) of the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad ("Listing Requirements"), the Directors are required to issue a statement explaining their responsibility in the preparation of the annual financial statements.

It is the responsibility of the Directors to ensure that the Company and the Group kept proper accounting records to enable the Company to disclose, with reasonable accuracy and without any material misstatement, the financial position of the Company and of the Group as at 31 May 2004 and the profit and loss of the Company and the Group for the financial year ended 31 May 2004. The Directors are also responsible to ensure that the financial statements complied with the Companies Act, 1965 and the relevant accounting standards, the Listing Requirements and other statutory and regulatory requirements.

In preparing the financial statements for the financial year ended 31 May 2004, the Directors have:

- adopted the appropriate accounting policies, which have been consistently applied;
- made judgments and estimates that are reasonable and prudent;
- ensured applicable accounting standards have been followed, subject to any material departures which have been disclosed and explained in the financial statements; and
- prepared the financial statements on the assumption that the Company and the Group will operate as a going concern.

The Directors have provided the auditors with every opportunity to take all steps, undertake all inspection and seek all explanations they considered to be appropriate for the purpose of enabling them to give their audit report on the financial statements.